




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **38 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,623 kes**. Tiada kematian kes COVID-19 direkodkan pada hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 44 menjadikan jumlah kumulatif 53,777 orang. Seramai 430 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 177 orang di hospital dan 253 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 26 orang dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan pada hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 14 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 Daripada 38 kes positif COVID-19, sebanyak 13 kes (34.21%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lapan (8) kes (21.1%) saringan bergejala, lapan (8) kes (21.1%) dari kluster sedia ada serta sembilan (9) kes (23.6%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,196 unit
 - Hospital 478 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 10.25%.

B PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI DAERAH NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Nabawan, yang dijadualkan **tamat pada 30 Mac 2021**.
- 2 KKM mengesahkan baki kes positif di daerah ini menunjukkan trend penurunan, kluster adalah terkawal serta kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 26 Mac 2021 iaitu sebanyak 1 kes.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKP di Daerah Nabawan, pada **30 Mac 2021** seperti yang dijadualkan.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **271** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,278** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **3538** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **8690** orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **290,962** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,328 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 17 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak sembilan (9) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Keningau : sembilan (9) orang
 - Tidak mematuhi penjarakan sosial dan lain-lain kesalahan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 95 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 371 lokasi melibatkan seramai 182 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 74 anggota RELA di 80 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan, Kinabatangan dan Semporna.

- 7 Sejumlah 35 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Sandakan	97%
4	Kota Kinabalu	97%
5	Kunak	97%
6	Lahad Datu	97%
7	Beluran	97%
8	Beaufort	97%
9	Penampang	97%
10	Ranau	97%
11	Kudat	97%
12	Papar	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tuaran	97%
15	Kinabatangan	96%
16	Tawau	96%
17	Tenom	96%
18	Kota Belud	95.5%
19	Keningau	95.5%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

28 Mac 2021